

Ruj. Kami : JPA (SARAAN) (S) 264/15/16-4 Jld.8 (60)

Tarikh : 21 April 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**PINDAAN PERATURAN PERMOHONAN PERBELANJAAN
KEMUDAHAN PERUBATAN BAGI RAWATAN DI INSTITUT
JANTUNG NEGARA SDN. BHD.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan bagi **rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB)** sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 (PP Bil. 21/2009) dipinda untuk membolehkan permohonan tersebut **dipertimbangkan dan diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).**


3. Sehubungan dengan itu, **semua** perenggan/ penjelasan dalam PP Bil. 21/2009 yang menetapkan bahawa permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan bagi rawatan di IJNSB diluluskan oleh Ketua Jabatan adalah dengan ini **dipinda**. Dengan berkuatkuasanya pindaan ini, permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan bagi rawatan di IJNSB bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang layak adalah diuruskan dan **diluluskan oleh KKM.**

4. Pindaan ini berkuat kuasa **mulai 1 November 2009.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' BASARUDDIN BIN SADALI)
Pengarah Bahagian Saraan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan